

FORUM DAN EKSPLO ASIAWATER 2016

Program bincang tangani isu NRW



Mohd Khalid, Eliane dan Yen Hua bersama delegasi dan kakitangan SAMB sempena lawatan ke tapak Pengurusan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) SAMB Kompleks Duyong di Duyong, semalam.

(FOTO KHAIRUNISAH LOKMAN/BH)

» Penganjuran kumpul pakar dari empat negara kongsi kepakaran, alatan terkini

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► Melaka

Isu Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) menjadi tumpuan utama pada Forum dan Ekspo Asia Water 2016 (ASIAWATER2016) yang dijadual berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala

Lumpur (KLCC) bermula dari 6 hingga 8 April depan.

Pengarah Pembangunan Perniagaan United Business Media (UBM) ASEAN, Eliane Van Doorn, berkata program kali kesembilan dianjurkan itu antara lain bertujuan membincangkan kaedah menangani isu terbabit yang menjadi antara penyumbang utama kadar purata NRW tinggi.

Selain isu itu katanya tiga to-

“ Pada masa sama, forum ini mencari jalan penyelesaian mengurangkan kos pengurusan air, kesedaran kepada masyarakat dan industri demi kebaikan generasi akan datang”

Eliane Van Doorn,
Pengarah Pembangunan
Perniagaan United Business
Media (UBM) ASEAN

pik lain iaitu penyelenggaraan dan caj tarif, pengurusan pembaziran serta sumber air turut dibincangkan dalam forum yang bakal disertai peserta dari negara ASEAN.

Bantu industri negara

“Penganjuran forum ini bukan saja mengumpul pakar dari Vietnam, Myanmar, Indonesia dan Malavsia haer membhincanakan

kaedah pengurusan untuk bagi membantu industri negara masing-masing, malah turut berkongsi teknologi serta peralatan terkini.

“Pada masa sama, mencari jalan penyelesaian mengurangkan kos pengurusan air, kesedaran kepada masyarakat dan industri demi kebaikan generasi akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke tapak pengurusan NRW di Kompleks Duyong Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) di sini, semalam.

Optimis capai sasaran

ASIAWATER2016 bakal disertai 780 pempamer dari 48 negara termasuk China, Taiwan, Amerika Syarikat, Jerman dan India.

Yang turut hadir, Penasihat UBM, Datuk Teo Yen Hua dan Ketua Pegawai Eksekutif SAMB, Datuk Mohd Khalid Nasir.

Sementara itu, Mohd Khalid berkata, pihaknya optimis men-capai sasaran pengurangan kadar purata NRW kepada 18 peratus pada hujung tahun ini, berbanding 19.3 peratus pada tahun sebelumnya.

“Mengikuti rekod, SAMB berjaya mengekalkan pengurangan kadar purata NRW daripada 30 peratus pada tahun 2008 kepada 19.3 peratus dalam tempoh lebih tujuh tahun,” katanya.